

Headline	RM6 juta untuk Program Inspirasi SPM. UPSR		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	10	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	338 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,680
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,041



# RM6 juta untuk Program Inspirasi SPM, UPSR

Oleh **AZIZI SAMSUDAIN**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 25 OKT.**

**L**EMBAGA Pemegang Amanah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (Yapeim) memperuntukkan RM6 juta untuk Program Inspirasi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang akan dijalankan yaysan tersebut pada tahun hadapan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, meskipun peruntukan Bajet 2017 belum diperincikan, namun jumlah tersebut akan disediakan bagi membantu 1,450 sekolah menengah dan rendah di negara ini.

Katanya, peruntukan itu mampu merealisasikan usaha membantu pelajar dari segi sokongan serta penjelasan cara menjawab soalan SPM dan UPSR 2017.

“Ini menunjukkan komitmen kita yang tinggi dalam memastikan pendidikan berterusan kepada pelajar. Dana daripada lebih 200 cawangan Ar-Rahnu juga boleh digunakan sebagai tambahan untuk meneruskan Program Inspirasi SPM dan UPSR,” katanya selepas merasmikan Program Inspirasi SPM Yapeim 2016 di sini hari ini.

Program tersebut turut dihadiri lebih 1,200 orang yang terdiri daripada pelajar, ibu bapa dan guru dari beberapa daerah di Selangor seperti Sepang, Gombak, Kuala Selangor dan Petaling Utama.

Berhubung caj visa umrah kali kedua yang ditetapkan kerajaan Arab Saudi, Jamil Khir berkata, tambahan sebanyak 2,000 riyal (RM2,250) untuk setiap jemaah merupakan keputusan yang mencakupi segala keperluan jemaah.

“Kita tidak boleh terus menolak keputusan itu kerana kenaikan caj berkenaan adalah kepada mereka yang berhasrat mengerjakan umrah untuk kali kedua, bukannya kali pertama,” jelasnya.

Dalam hal itu katanya, mesyuarat yang akan dijalankan

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan serta Kementerian Luar berhubung kadar caj visa umrah kali kedua tidak melibatkan Lembaga Tabung Haji yang hanya menawarkan perkhidmatan mengerjakan umrah dan haji untuk rakyat Malaysia.



JAMIL KHIR BAHAROM (dua, kiri) menyaksikan pertukaran dokumen antara Pengarah Kanan Pembangunan Sosioekonomi dan Perhubungan Korporat Yapeim, Mohamad Zamri Zakaria (kiri) dengan Pengurus Penedaran Utusan Melayu (M) Berhad, Mohammad Fahmi Asraf Khan (dua, kanan) pada Majlis Menandatangani MoU di Kuala Lumpur, semalam. Yang turut hadir Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Othman Mohamad (tiga kanan) dan Ketua Pengarah Jakim, Datuk Othman Mustapha. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN